



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang,
Jabatan Pendidikan Negeri Johor,
2755, Jalan Sentosa,
86000 Kluang, Johor Darul Takzim.

Tel : 07-7722946
Laman Web : www.ppdkluang.edu.my

Ruj. Kami : PPDKLG.600-4/1/4 (29)
Tarikh : 23 JUN 2025

Pengetua ,
Sekolah Menengah Daerah Kluang
(u.p : GPK Kokurikulum dan Pengurus Pasukan Sepak Takraw)

Tuan,

KEJOHANAN SEPAK TAKRAW BAWAH 15 DAN 18 TAHUN MAJLIS SUKAN SEKOLAH DAERAH KLUANG (MSSD) TAHUN 2025

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan **bahawa SMK Taman Seri Kluang** selaku pengelola kejohanan bersama Unit Pembangunan Bakat Murid Pejabat Pendidikan Daerah Kluang akan mengadakan **Kejohanan Sepak Takraw Bawah 15 dan 18 Tahun Majlis Sukan Sekolah Daerah Kluang (MSSD) Tahun 2025** seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 30 Jun , 1 & 2 Julai 2025
Tempat : Arena Juara SSN Tun Hussien Onn
Masa : 8.00 pagi – 4.00 petang

3. Sebagaimana yang telah dimaklumkan dalam Mesyuarat Pengelolaan Kejohanan Sepak Takraw Bawah 15 dan 18 Tahun, setiap sekolah yang menyertai akan dikenakan yuran penyertaan sebanyak **RM80.00 bagi satu regu dan RM150.00 bagi dua regu untuk setiap kategori.**

4. Pembayaran boleh dibuat ke dalam akaun SUWA sekolah secara **CEK (Online Transfer tidak dibenarkan)** atas nama **SMK TAMAN SERI KLUANG** sebelum atau pada **30 Jun 2025** semasa pendaftaran. Perjalanan menguruskan pemain ke kejohanan adalah di bawah tanggungan sekolah masing-masing.

5. Sebarang pertanyaan, sila ajukan kepada En. Mohd Mubin Yazzer bin Tulos, Penolong PPD Pembangunan Bakat Murid di talian 07-7741103.

Sekian, terima kasih

"SYNERGY IN EXECUTION : CONQUER THE CHALLENGE"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HJ. AYUB BIN IBRAHIM)
Pegawai Pendidikan Daerah,
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang.

Sk: 1. PTPS Sepak Takraw MSSD Kluang
2. Fail